

**PERATURAN PEMARKAHAN  
KERTAS 1**

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

[30 markah]

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b>  atas (28 – 30)  (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b><u>tepat</u></b>.</li> <li>• Wacannya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b><u>ungkapan yang menarik</u></b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b><u>matang</u></b>.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b>  atas (23 – 25)  (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b><u>luas</u></b>.</li> <li>• Wacannya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b><u>jelas</u></b>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	<p style="text-align: center;"><b>15 – 19</b></p> <p style="text-align: center;">atas (17 – 19)</p> <p style="text-align: center;">(15 – 16) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>masih</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>masih</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b><u>masih</u></b> betul dan tepat. Ejaan <b><u>masih</u></b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b><u>masih</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>masih</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>masih</u></b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b><u>masih</u></b> jelas.</li> </ul>
Kurang memuaskan	<p style="text-align: center;"><b>10 – 14</b></p> <p style="text-align: center;">atas (12 – 14)</p> <p style="text-align: center;">(10 – 11) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>masih/kurang</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>kurang</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b><u>kesalahan ejaan yang ketara</u></b>. Penggunaan kosa kata <b><u>terhad</u></b>.</li> <li>• Wacana <b><u>kurang</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>kurang</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>kurang relevan</u></b> dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b><u>kurang jelas</u></b>.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	<p style="text-align: center;"><b>01 – 09</b></p> <p style="text-align: center;">atas (06 – 09)</p> <p style="text-align: center;">(01 – 05) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b><u>tidak</u></b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b><u>Banyak</u></b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b><u>tidak</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

--	--	--

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka****[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

(   )	= Kesalahan isi/fakta
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
	= Kesalahan tanda baca

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**1103/1(PP)****SULIT****KRITERIA**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morphologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>• Kerelevan</li> </ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Format</li> </ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
CEMERLANG	<p style="text-align: center;"><b>80 – 100</b>            (90 – 100)            (80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang luas dan tepat.</li> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li><b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li><b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li><b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
KEPUJIAN	<p style="text-align: center;"><b>66 – 79</b>            (73 – 79)            (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang tepat.</li> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li><b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li><b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa masih</b> bervariasi. <b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	<p style="text-align: center;"><b>51 - 65</b>            (58 – 65)            (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b><u>ayat majmuk</u></b> gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca masih</u></b> betul.</li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata umum</u></b>.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan</u></b> mengikut tugasan, huraian isi <b><u>masih</u></b> jelas dan contoh <b><u>masih</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan masih</u></b> menarik, dan pemerengganan <b><u>masih</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana masih</u></b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih bervariasi</u></b>.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b><u>kurang</u></b> berkesan.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b>            (43 – 50)            (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> terhad.</li> <li>• Ayat <b><u>kurang</u></b> gramatis.</li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul tetapi <b>terdapat kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata umum</u></b> dan <b><u>terhad</u></b>.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan</u></b> mengikut tugasan, huraian isi <b><u>kurang</u></b> jelas dan contoh <b><u>kurang</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan kurang</u></b> menarik, pemerengganan <b><u>kurang</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana masih / kurang</u></b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa kurang</u></b> bervariasi.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b><u>kurang</u></b> berkesan.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li><b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li><b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li><b>Idea bercampur aduk</b> dan <b>huraihan tidak jelas/</b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

Cara menulis	K	-	Peringkat markah	Contoh	K	-	75
	- E	-	Mak 3 markah		- E	-	03
	- F	-	Mak 2 makah		- F	-	02
Jumlah	-		Markah bersih		J	-	70

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN****Bahagian A [ 30 markah ]**

*Diharapkan calon-calon dapat menghuraikan pendapat tentang kepentingan sukan.*

Rangka karangan dicadangkan :

- 1.0 Pendahuluan
- 2.0 Isi :
  - 2.1 mengekalkan kesihatan
  - 2.2 mengurangkan masalah sosial
  - 2.3 memupuk perpaduan kaum
  - 2.4 meningkatkan imej negara
- 3.0 Kesimpulan

**Bahagian B [100 markah]**

- 1 Semasa cuti persekolahan yang lalu, anda berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh pihak sekolah ke suatu tempat menarik.

Jelaskan faedah-faedah yang di peroleh daripada program lawatan sambil belajar tersebut.

*Diharapkan calon dapat menjelaskan faedah-faedah yang anda peroleh daripada lawatan sambil belajar tersebut.*

**Rangka karangan dicadangkan:**

- 1.0 Pendahuluan
- 2.0 Isi:
  - 2.1 Dapat mengeratkan hubungan dengan rakan
  - 2.2 Dapat menambahkan pengalaman
  - 2.3 Dapat mengurangkan stres
  - 2.4 Dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang baharu
  - 2.5 Dapat mengukuhkan ilmu yang dipelajari di dalam kelas
- 3.0 Kesimpulan  
*Mana-mana isi yang sesuai diterima.*

- 2 Kehidupan berkeluarga merupakan keperluan setiap individu.

Berikan pendapat anda tentang keluarga impian anda.

*Diharapkan calon dapat memberikan pendapat tentang keluarga impiannya.*

**Rangka karangan dicadangkan:**

1.0 Pendahuluan

2.0 Isi:

- 2.1 Mempunyai bilangan ahli keluarga yang banyak
- 2.2 Ahli keluarga yang sihat
- 2.3 Ahli keluarga yang berpendidikan agama
- 2.4 Ahli keluarga yang cemerlang dalam akademik
- 2.5 Ahli keluarga yang sayang- menyayangi/saling memahami/saling menghormati
- 2.6 Ahli keluarga yang sentiasa melakukan aktiviti bersama
- 2.7 Ahli keluarga yang tidak terlibat dengan gejala sosial
- 2.8 Ahli keluarga yang kaya

3.0 Kesimpulan

*Mana-mana isi yang sesuai diterima.*

- 3 Kejadian jenayah seperti ragut , culik dan pembunuhan di negara kita semakin membimbangkan banyak pihak.

Tulis sebuah rencana yang bertajuk 'Tanggungjawab Masyarakat untuk Membanteras Jenayah'.

*Diharapkan calon dapat menulis sebuah rencana tentang tanggungjawab masyarakat untuk membanteras jenayah.*

**Format:**

- Tiada tajuk rencana : tolak 1m
- Tiada nama penulis : tolak 1m

**Rangka karangan dicadangkan:**

1.0 Pendahuluan

2.0 Isi:

- 2.1 Melaporkan kejadian jenayah kepada pihak berkuasa
- 2.2 Menubuhkan rukun tetangga
- 2.3 Mematuhi nasihat yang dikeluarkan oleh media massa/ kerajaan

- 2.4 Memberikan pendidikan agama kepada keluarga
- 2.5 Memantau aktiviti ahli keluarga
- 2.6 Membina hubungan yang baik dalam komuniti
- 2.7 Membantu mangsa jenayah
- 2.8 Mempelajari seni mempertahankan diri
- 2.9 Mengelakkan diri daripada terlibat dengan pinjaman wang daripada syarikat yang tidak berlesen

### 3.0 Kesimpulan

***Mana-mana isi yang sesuai diterima.***

- 3 Setiap tahun kerajaan menghantar pelajar kita untuk menyambung pelajaran di luar negara.

Bincangkan kebaikan dan keburukan belajar di luar negara.

***Diharapkan calon dapat memberikan pendapatnya tentang kebaikan dan keburukan belajar di luar negara.***

**Rangka karangan dicadangkan:**

#### 1.0 Pendahuluan

#### 2.0 Isi:

Kebaikan :

- 2.1 Berpeluang mendalami ilmu yang lebih luas/ pensyarah berpengalaman
- 2.2 Dapat memindahkan teknologi ke negara kita
- 2.3 Berpeluang mengenali budaya dan iklim masyarakat di sana
- 2.4 Belajar hidup berdikari
- 2.5 Memberikan sumbangan sebagai tenaga pekerja mahir negara
- 2.6 Mencontohi nilai masyarakat luar yang baik
- 2.7 Meningkatkan penguasaan bahasa

Keburukan:

- 2.1 Melibatkan kos yang mahal
- 2.2 Terpengaruh dengan budaya yang tidak elok
- 2.3 Tidak muhu berkhidmat di negara sendiri setelah tamat pengajian
- 2.4 Bencana alam/peperangan

#### 3.0 Kesimpulan

***Mana-mana isi yang sesuai diterima.***

- 4 Anda telah menyertai kursus penulisan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka .

Perihalkan pengalaman anda semasa menyertai kursus tersebut.

*Diharapkan calon dapat menceritakan pengalamannya semasa menyertai kursus tersebut..*

**Rangka karangan dicadangkan:**

1.0 Pendahuluan

2.0 Isi:

- 2.1 Sesi memperkenalkan diri
- 2.2 Ceramah teknik penulisan
- 2.3 Pameran buku
- 2.4 Berpeluang berjumpa dengan penulis terkenal
- 2.5 Bengkel penulisan dan persembahan hasil perbengkelan
- 2.6 Lawatan ke tempat menarik sekitar tempat kursus

3.0 Kesimpulan

*Mana-mana isi yang sesuai diterima.*

## **Skema Permarkahan Soalan Percubaan Bahasa Melayu SPM 2012**

### **SOALAN 1: RUMUSAN**

#### **Soalan 1: Rumusan**

Markah penuh: 30 markah

Isi - 20 markah

Bahasa - 10 markah

#### **Isi- 20 markah**

(a) Nota

i. Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- kata nama khas
- perkataan berulang
- kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

ii. Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

iv. Berikan markah bagi setiap isi yang lengkap dan tepat sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
i. Pendahuluan										<b>2</b>
ii. Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
iii. Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
iv. Penutup/ Kesimpulan										<b>2</b>
<b>Jumlah markah</b>										<b>20</b>

### Bahasa - 10 markah

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti jadual berikut:

Peringkat	Markah isi	Markah bahasa	Huraian bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/ tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	2- 14 8 - 11	6 - 7 4- 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1- 7	1 - 4	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataannya kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- Jika rumusan kurang daripada **120 patah perkataan**, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa yang maksimum: **10 markah**]

## CADANGAN JAWAPAN

<u>Pendahuluan/ Pengenalan</u>	<u>Markah</u>
--------------------------------	---------------

Petikan membincangkan cara-cara memperkuuh tradisi hidup berjiran dalam masyarakat kita.

2

### Isi Tersurat (Cara-cara memperkuuh tradisi hidup berjiran)

- |   |   |
|---|---|
| S1. Mengamalkan amalan bertegur sapa sesama jiran   | 2 |
| S2. Mempunyai matlamat hidup yang sama iaitu inginkan perpaduan dan kesejahteraan   | 2 |
| S3. Amalan ambil peduli terhadap sesuatu keadaan atau masalah yang dihadapi jiran dapat membantu kesulitan yang dialami oleh mereka | 2 |
| S4. Sikap saling menghormati kepercayaan masing-masing  | 2 |
| S5. Mengamalkan amalan mulia  | 2 |
| S6. Meluangkan masa untuk berkunjung ke rumah jiran   | 2 |
| S7. Sanggup mengetepikan kesenangan diri semata-mata untuk membantu jiran pada masa diperlukan                                      | 2 |
| S8. Pelbagai perbezaan sesama jiran dapat disempitkan jurangnya melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan          | 2 |
| S9. Kita bertanggungjawab untuk tidak menyakiti hati jiran, baik perkataan maupun perbuatan   | 2 |

### Isi Tersirat (Kepentingan hidup berjiran)

- |  |   |
|--|---|
| T1. Dapat mewujudkan sebuah keluarga besar yang saling mengambil berat | 2 |
| T2. Keselamatan masyarakat setempat dapat ditingkatkan                 | 2 |
| T3. Dapat memohon bantuan jika berlaku kesulitan/kecemasan             | 2 |
| T4. Dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan selamat        | 2 |
| T5. Kerja yang berat dan sulit menjadi ringan dan mudah                | 2 |

## **Penutup/ Kesimpulan**

Semua pihak hendaklah mengamalkan tradisi hidup berjiran agar haharmonian masyarakat tetap utuh.

2

Masyarakat wajar memperkuuh tradisi hidup berjiran agar dapat mengekalkan keamanan bangsa Malaysia.

2

### **Soalan 2(a) Petikan Umum**

(i) Maksud rangkai kata:

- faktor/punca/sebab-sebab menjadi cuai/lalai

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Punca-punca:

- kesibukan seharian dalam mengejar karier masing-masing 1
- Pacuan perkembangan teknologi pada hari ini 1
- jiran tetangga yang tidak berminat untuk saling mengenali sesama sendiri kerana mementingkan status 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Sebab-sebab:

- mewujudkan permusuhan/menimbulkan perasaan dendam 1
- menyebabkan gangguan emosi orang lain 1 -
- dibenci oleh masyarakat 1
- dilarang oleh semua agama 1
- dipandang rendah/merosakkan imej diri 1
- dikhawatirkan akan memutuskan hubungan silaturrahim 1
- mewujudkan perpecahan dalam masyarakat

**[Maksimum : 4 markah]**

## **Soalan 2**

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a): **9** markah

Soalan 2 (b): **9** markah

Soalan 2 (c): **8** markah

Soalan 2 (d): **9** markah

### **Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat lengkap/ sempurna**
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### **Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

#### **1. Soalan 2 markah:**

<b>Deskripsi</b>	<b>Markah</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

#### **2. Soalan 3 markah:**

<b>Deskripsi</b>	<b>Markah</b>
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

#### **3. Soalan 4 markah:**

<b>Deskripsi</b>	<b>Markah</b>
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

## **Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

(i) Keadaan Sungai Ceper:

- Sungai Ceper semakin hari semakin tohor sehingga air sampai paras buku lali
- Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi
- Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir

**[maksimum 2 markah]**

(ii) Langkah-langkah:

- pihak swasta/kerajaan menyalurkan bantuan makanan, minuman dan kewangan kepada masyarakat yang terlibat
- kerajaan membuka pusat pemindahan bencana untuk memudahkan bantuan disampaikan
- anggota keselamatan/ sukarelawan membantu memindahkan mangsa bencana ke tempat yang selamat
- Jabatan Kesihatan menyediakan perkhidmatan perubatan untuk mangsa bencana/ memberi kaunseling kepada mangsa

**[maksimum 3 markah]**

(iii) Persoalan dalam petikan :

- Persoalan bencana alam memusnahkan hasil tanaman, buktinya padi kecut dan mati
- Persoalan kepentingan air dalam kehidupan, buktinya Sungai Ceper yang tohor menyebabkan ikan mati dan sungai berbau busuk

Persoalan keseluruhan cerpen :

- Persoalan kurangnya kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar, buktinya Sungai Ceper tercemar kerana pembuangan sampah
- Persoalan kasih sayang yang terjalin antara manusia dan alam, buktinya ibu menggunakan air dari Sungai Ceper
- Persoalan kasih sayang anak terhadap ibu bapa, buktinya aku menjaga ibunya sehingga ibunya meninggal dunia.
- Persoalan suami yang tidak bertanggungjawab, buktinya bapa tidak mengambil tahu hal rumah tangga kerana sibuk berdenak ketitir.

**[maksimum 4 markah]**

## **2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

(i) Maksud :

- Merah Silu juga sememangnya berketurunan/ berasal/ berdarah/ sultan/ pemerintah

**[maksimum 2 markah]**

(ii) Sikap baik hati Merah Silu :

- Orang yang kalah bersabung ayam dibayar taruhannya
- Setiap orang yang datang bersabung ayam akan diberi seekor kerbau apabila mereka pulang
- Penonton/ orang yang datang melihat permainan bersabung ayam juga diberi seekor kerbau

**[maksimum 3 markah]**

(iii) Cara:

- Membina/ membaiki infrastuktur untuk rakyat
- Menjaga kebajikan rakyat/ Membantu golongan miskin/ mengeluarkan derma kepada mereka yang memerlukan
- Melaburkan harta dalam pelbagai bidang
- Membuka perniagaan
- Memenuhi keperluan peribadi

**[maksimum 3 markah]**

## **2 (d) - Sajak**

i. Ciri-ciri orang yang riak

- menunjukkan kerajinan berpuasa
- bertutur dengan lemah lembut
- Tidak menghiraukan kesihatan diri/ kebersihan diri

**[maksimum 2 markah]**

ii. Bagaimanakah cara melakukan pekerjaan dengan ikhlas?

- Sedar akan tanggungjawab yang harus dilaksanakan /menganggap pekerjaan sebagai tanggungjawab
- Melakukan sesuatu pekerjaan tanpa mengharapkan balasan
- Menganggap pekerjaan yang dilakukan sebagai amal ibadat/sumbangan/
- Melaksanakan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh

**[maksimum 3 markah]**

- iii. Dua pengajaran daripada syair di atas.
- Jangan bersikap riak terhadap amal ibadat yang dilakukan.
  - Kita mestilah jujur dalam melakukan sebarang tugas.
  - Kita mestilah mementingkan kebersihan /kesihatan diri.
  - Kita mestilah menggunakan ilmu kebaikan.

**Isi maksimum : 2 isi sahaja**

**[maksimum 4 markah]**

## **SKEMA JAWAPAN**

### **Soalan 3**

**Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:**

**Soalan 3(a) : 6 markah**

**Soalan 3(b) : 6 markah**

**Soalan 3(c) : 6 markah**

**Soalan 3(d) : 6 markah**

**Soalan 3(e) : 6 markah**

### **Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Ayat tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.

**Jawapan 3(a)**

- (i) merah jambu - warna  
jambu merah – jenis jambu
- (ii) sawah padi – tempat/ kawasan  
padi sawah - nama/ jenis
- (iii) orang ramai – banyak/ kuantiti  
ramai orang - kebanyakannya

**[Maksimum: 6 markah]****Jawapan 3(b)**

- (i) Ayat penyata
- (ii) Ayat tanya
- (iii) Ayat perintah
- (iv) Ayat penyata
- (v) Ayat perintah
- (vi) Ayat seruan

**[Maksimum: 6 markah]****Jawapan 3(c)**

- (i) dicebori - diceburi  
meneroka - penerokaan
- (ii) pra sekolah - prasekolah  
merwarna - mewarna
- (iii) komplek - kompleks  
mengelak - mengelakkan

**[Maksimum: 6 markah]****Jawapan 3(d)**

- (i) jejak - langkah
- (ii) Acara - agenda/rencana/pelan
- (iii) ialah - adalah
- (iv) dapat rakyat nikmati - dapat dinikmati oleh rakyat
- (v) dari masa ke semasa - dari masa ke masa/ dari semasa ke semasa
- (vi) menguatkan - mengukuhkan

**[Maksimum: 6 markah]**

### Jawapan 3(e)

- (i) Alah bisa tegal biasa
- (ii) Masa itu emas
- (iii) Mencurah air di daun keladi

[Maksimum: 6 markah]

### Soalan 4 : Novel

Markah penuh 15 markah

Perhatian bagi soalan 4.

- i. Jawapan bagi 4(a) dan 4 (b)mestilah berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
- iii. Pemberian markah bahasa berdasarkan impression.
- iv. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

Perhatian bagi soalan 4 (a)

- i. Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Berikan 1 markah untuk 1 pernyataan latar tempat yang lengkap.
- iv. Berikan 1 markah untuk huraihan latar tempat yang lengkap /jelas.
- v. Markah isi maksimum 4 markah.
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
  - Baik = 3 markah
  - Sederhana = 2 markah
  - Lemah = 1 markah
- vii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- viii. Calon tidak menjawab 0 markah.

Perhatian bagi soalan 4 (b)

- i. Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan.
- ii. Berikan **1 markah** bagi huraihan atau contoh.
- iii. Markah bahasa diberikan secara ‘impression’.
  - Baik = 2 markah
  - Lemah = 1 markah
- iv. Huraihan atau contoh tanpa penyataan, berikan **0 markah**.
- v. Markah maksimum untuk isi **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**.

#### **4a) NOVEL MELUNAS RINDU**

##### **1. Danau Seberang**

Fuad dengan keluarga angkatnya, Mak Salmah dan Pak Ismail tinggal.  
Di sitalah Fuad belajar mengaji dengan Pak Ismail.

##### **2. Di surau, Danau Seberang**

Fuad tiba di surau untuk solat Isyak berjemaah

##### **3. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Setia**

Fuad berkhidmat sebagai guru sandaran Bahasa Inggeris. Dia diberi tugas penting iaitu mengajar Tingkatan 5 dan Tingkatan 3. Beliau berkhidmat bersama-sama dengan Cikgu Farhana.

##### **4. Rumah Peter Lim di Sungai Ruan**

Fuad pulang ke Sungai Ruan menziarahi apaknya Peter Lim setelah setahun tidak pulang.

Peter Lim sakit dan menghadapi masalah perbelanjaan hidup. Fuad berjanji akan menanggung perbelanjaan sekolah adik-adik sepupunya .

Fuad bertanya tentang ibunya kepada Peter Lim dan mahu mencari susur galur sebelah ibunya

##### **5. Perkampungan Felda Lembah Klau**

Fuad dan Pak Said bertemu dengan Pak Ngah Lias, dalam usaha Fuad mencari ibunya, Mariana.

Mariana dan Pak Seman tinggal sebelum mengikut kakak angkatnya berpindah Bentong.

##### **6. Kampung Sedili – terletak di Kuala lipis**

Fuad, Pak Said dan Pak Ngah Lias menjelaki kubur ibu Fuad, Mereka bertemu dengan Pak Shamsuddin yang akhirnya memberitahu bahawa ibu Fuad belum meninggal dunia.

##### **7. Kawasan Perumahan Taman Mas, Kuantan**

Terletaknya rumah Farhana dan di sinilah Fuad diperkenalkan kepada ibu Farhana, Mariana

##### **8. Taman Syahbandar**

Di sinilah letaknya sebuah restoran yang bernama Restoran Terapung Taman Syahbandar. Fuad makan bersama-sama dengan Farhana di restoran ini bagi meraikan hari lahir Farhana.

## **9. Rumah Cikgu Zamani**

Fuad datang ke rumah Cikgu Zamani kerana sangkaannya ada jemputan doa selamat

Cikgu Zamani memujuk Fuad agar mengikuti jemaah yang dianggotainya.

Fuad mempertikaikan tentang jemaah agama yang banyak sedangkan agama islam itu hanya satu

Fuad berasa ada pertentangan pendapat tentang cara menarik masyarakat menghayati Islam.

Fuad tidak bersetuju dengan sikap prejudis Cikgu Zamani sesama orang Islam iaitu Farhana

## **10. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan**

Tempat ibu Farhana, Mariana Osman dirawat. Di sinilah Fuad bertemu dengan ibunya semula. Robert Lim juga datang ke hospital ini dan bertemu dengan Fuad, Farhana serta Mariana.

## **11. Lapangan Terbang KLIA**

Keluarga Fuad ( Farhana dan adik-adiknya) menghantar Fuad, Mariana, Pak Ismail dan Mak Salmah mengerjakan umrah.

Robert Lim turut hadir untuk mengucapkan selamat jalan dan memberitahu Fuad dia mungkin akan mengikuti mereka

## **KABUS DI PERBUKITAN**

### **1. Di Perpustakaan, Universiti Pertanian Malaysia**

Azrul dan Rahayu belajar dan mencari maklumat.

Rahayu tiba-tiba pengsan di sini.

### **2. Bukit Fraser**

Tempat Faridah dan rakannya Mastura serta anak-anak muridnya mengadakan perkhemahan. Faridah meninggalkan tempat ini untuk pergi ke Raub.

Van yang dipandu oleh Faridah terbabas dan jatuh ke dalam gaung ketika menuruni Bukit Fraser menuju ke Pekan Raub.

### **3. Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia**

Tempat Rahayu dirawat kerana menghidap kanser di leher.

Tempat Faridah dibawa untuk rawatan setelah ditemui di Sungai Dua oleh ayahnya Kamarudin dan Buyung

Tempat Rahayu dan Faridah bertemu setelah 14 tahun berpisah di alam ilusi  
( bawah sedar)

Tempat Rahayu meninggal dunia di samping Faridah yang koma

Peristiwa luar biasa berlaku-ketika Rahayu meninggal dunia Faridah sedar dari koma

**4. Di Bukit Kutu**

Tempat Faridah hilang bersama-sama anak muridnya Iqbal  
Mejar (B) Kamarudin dan Buyung bermalan di Bukit Kutu untuk mencari Faridah.

**5. Di Perkampungan Orang Asli Temuan**

Mejar (B) Kamarudin dan Buyung tiba di perkampungan ini untuk mencari Faridah dan Iqbal. Mereka menemui Faridah dalam keadaan tidak sedar di rumah Tok Batin Senik

**6. Di rumah Tuan Cecil Renking, Bukit Kutu**

Faridah dan Iqbal ditemui oleh orang-orang Panglima Garang telah dibawa ke sini.  
Mereka telah diberi sebuah bilik bersebelahan dengan Amah Siti.

**7. Sungai Besar, Selangor**

Tempat kelahiran Rahayu dan Faridah tetapi Faridah dibesarkan oleh ibunya, Salmah setelah ibunya berpisah dengan bapanya Mejar (B) Kamaruddin  
Rahayu dibawa pulang oleh Mejar (B) Kamarudin ke rumah ibunya Salmah ketika penyakit kansernya semakin serius.

Jenazah Rahayu / Salmah dan Ghazali disemadikan di Sungai Besar

**8. Rosewood, Christchurch**

Faridah menetap di Rosewood selama 25 tahun dan membina hidup barunya dengan berkahwin dengan Samuel Kirkby Johnsons (Soleh Johnsons)  
Di sini juga Melina membawa Benny untuk berkenalan dengan Faridah dan Soleh.  
Pusat penternakan kambing biri-biri

**9. Auckland, New Zealand**

Melina bekerja di Auckland sebagai pembantu pelukis pelan  
Bertemu Benny di Gloria Coffee Bean. Pertemuan ini telah membawa mereka ke jinjang pelamin

**10. Hotel Hilton, Kuala Lumpur.**

Melina dan Benny menginap di hotel mewah ini setelah tiba dari New Zealand kerana Benny mempunyai urusan di Kuala Lumpur sebagai Pengarah Operasi Syarikat Al-Jabbar

**11. Marang, Terengganu**

Tempat tinggal Melina dan Benny selama 2 tahun

Banglo Melina di hadapan pantai Marang. Melina suka akan pemandangan laut kerana cuacanya lebih nyaman dan banyak menghabiskan masanya dengan melukis.

Tempat Melina dan Khadijah berbual-bual tentang nilai masyarakat Malaysia

## **12. Kampung Parit 13**

Tempat tinggal Azrul dan di sinilah Azrul mengusahakan ternakan kambing dan tapak semaihan

## **13. Cameron Highlands**

Tempat Faridah dan Soleh Johnsons tinggal (Golf View Cottage)

Tempat pertemuan semula Faridah dengan Datuk Azrul (Teman sekuliah Rahayu).

Datuk Azrul datang untuk membincangkan perkahwinan antara Anne dan Zain

Tempat tinggal ramai Muslim berbangsa Inggeris seperti Musa Surray, Amir Mustov dan Ariff Carlsons

## **14. Tanah Tinggi Lojing**

500 ekar tanah dipajak oleh Datuk Azrul untuk pusat agropelancongan tanah tinggi

## **15. Di Emirate Hotel, Dubai**

Melina dan Soleh Johnson ke sini untuk menemui Benny. Benny yang melarikan diri tanpa sebarang berita telah meminta maaf kepada Melina kerana meninggalkannya seorang diri.

## **4b) MELUNAS RINDU**

### **i. Nilai bantu-membantu**

- Fuad membantu Borhan membawa anak Borhan ke klinik kerana sakit walaupun sudah lewat malam.
- Pak Ngah, Pak Said membantu Fuad mengesan kubur ibu kandung Fuad.

### **ii. Nilai ketabahan**

- Fuad tabah mengharungi dugaan hidup dalam usaha mencari ibu kandungnya.

### **iii. Nilai amanah**

- Sikap amanah Fuad dan Farhana ketika mendidik anak-anak murid dengan komited.

### **iv. Nilai mengenang jasa**

- Fuad membala jasa keluarga Peter Lim yang telah menjaganya sejak kecil dengan membantu membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anak Peter Lim.

### **v. Nilai menghormati tetamu**

- Mak Salmah melayan Farhana dengan baik sebagai tetamunya.

## **KABUS DI PERBUKITAN**

### **i. Nilai menghargai / mencintai alam sekitar**

- Azrul yang menyertai Persatuan Pecinta Alam dan Hutan telah mengadakan banyak program bagi mendedahkan pelajar kepada kepentingan menjaga alam sekitar.

### **ii. Nilai mematuhi ajaran agama**

- Faridah tetap berpegang kepada agama Islam walaupun dia telah tinggal di luar negara selama 25 tahun.

### **iii. Nilai kasih sayang**

- Sebagai seorang ibu, Faridah begitu risau akan anaknya Melina yang sarat mengandung seorang diri di Malaysia.

### **iv. Nilai berdikari**

- Walaupun mempunyai ijazah dalam bidang pertanian Azrul lebih senang berdikari dengan mengusahakan ternakan kambing daripada bekerja makan gaji.

### **v. Nilai tanggungjawab**

- Salmah sanggup bekerja di sawah bagi menampung kehidupan bersama-sama anaknya Faridah setelah Kamarudin meninggalkan mereka.

**-PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT-**